

PELEPASAN KUOTA BUMIPUTERA

1. Peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri

- 1.1 Bayaran pendaftaran bagi setiap permohonan dikenakan sebanyak **RM1,000.00** (pendaftaran bagi setiap projek).
- 1.2 Permohonan hendaklah dikemukakan pada tahap pembinaan siap 100% dan disahkan oleh Arkitek Berdaftar.
- 1.3 Permohonan pelepasan kuota Bumiputera hanya boleh dipertimbangkan setelah kesemua unit bukan Bumiputera telah habis dijual.
- 1.4 Pembayaran hendaklah dijelaskan sebaik sahaja permohonan diluluskan dan bukannya setelah unit tersebut dijual.
- 1.5 Permohonan hendaklah disertakan bersama maklumat-maklumat berhubung projek berkenaan seperti berikut:
 - (a) tiga (3) salinan pelan *lay-out* bersaiz A4;
 - (b) salinan iklan projek pembangunan berkenaan di akhbar-akhbar utama sekurang-kurangnya dua kali;
 - (c) senarai nama pembeli beserta No. Kad Pengenalan; dan
 - (d) komponen pembangunan, jumlah keseluruhan unit, pecahan pembahagian unit Bumiputera dan bukan Bumiputera serta harga seunit rumah/kedai berkenaan.

PENGECUALIAN PEMBINAAN RUMAH HARGA RENDAH (RHR)

1. Prosedur yang perlu dipenuhi untuk mendapatkan pengecualian

- 1.1 Bayaran pendaftaran bagi setiap permohonan dikenakan sebanyak **RM1,000.00** (pendaftaran bagi setiap projek).
- 1.2 Permohonan hendaklah disertakan bersama maklumat-maklumat berhubung projek berkenaan seperti berikut:
 - (a) tiga (3) salinan pelan *lay-out* bersaiz A4;
 - (b) komponen pembangunan dan jumlah keseluruhan unit pembangunan;
 - (c) latar belakang dan lokasi projek pembangunan; dan
 - (d) justifikasi atau alasan pemaju untuk membuat permohonan pengecualian RHR.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Unit Perumahan
Pej. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70503 Seremban**

Tel: 06-7659736